



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PADA 12 JUN 2020**

Sebut Harga adalah dipelawa kepada **Syarikat-Syarikat Tempatan** yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dalam kod bidang seperti di bawah bagi menyertai sebut harga berikut:-

No. Sebut Harga	Tajuk	Kelas Pendaftaran	Harga Dokumen (RM)	Tarikh/ Masa & Tempat Taklimat
SH/ SUKNS/ BIL.12/ 2020	Membekal Cendermata Untuk Kegunaan Di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan PERINGATAN: Taklimat adalah diwajibkan. Sila bawa cop syarikat untuk pengesahan kehadiran. Hanya pemilik syarikat sahaja dibenarkan menghadiri taklimat. Sebarang rayuan tidak akan diterima.	030201	RM50.00 setiap satu borang	19/6/2020 (Jumaat) 10.00 pagi Bilik Mesyuarat Teratai, Tingkat G, Blok D, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan

Dokumen sebut harga boleh diperolehi pada waktu pejabat mulai **19/6/2020** hingga **25/6/2020** di **Unit Kewangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Negeri Sembilan, Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus** dengan dikenakan bayaran seperti di atas dalam bentuk tunai dan bayaran ini tidak akan dikembalikan.

Syarikat dikehendaki membawa **SIJIL ASAL PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** dalam kod bidang seperti di nyatakan dan **SIJIL TARAF BUMIPUTERA** (jika bertaraf Bumiputera) yang dikeluarkan oleh **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** dan menyerahkan satu salinan (fotostat) sijil-sijil berkenaan semasa membeli dokumen sebut harga.

Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan No. Sebut Harga dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang ditetapkan di **Unit Kewangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus** sebelum atau pada pukul **12.00 tengah hari 26/6/2020 (Jumaat)**. Tawaran yang lewat tidak akan dipertimbangkan.